

KUALA LUMPUR, Rabu — Dewan Negara hari ini dibentangkan 11,907 guru pelatih sedang mengikuti kursus asas di 24 maklat perguruan di seluruh negara.

Dari jumlah itu, 8,690 adalah Bumiputera, 2,692 Cina, 475 India dan 50 kaum-kamulain. Ini diumumkan oleh Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud dalam jawapan bertulis soalan Senator Datuk G. Pasmanickan di Dewan Negara, hari ini. Menjawab soalan Senator Datuk Haji Mahmud Salmi Haji Mohamad yang ingin tahu sama ada Kementerian mengarahkan perayaan Hari Kebangsaan diadakan di setiap sekolah, beliau berkata: "Perayaan Hari Kebangsaan disambut di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. "Guru-guru dan murid sekolah adalah terlibat secara langsung dalam sambutan-sambutan yang diadakan itu," tambahnya. "Muri-murid dan guru tidak dapat mengadakan sambutan di peringkat sekolah oleh kerana mereka telah mengambil bahagian di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan," kata beliau lagi.

6,000 anggota TLDM ke Lumut bulan depan

KUALA LUMPUR, Rabu — Seramai 6,000 anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan keluarga mereka akan berpin-dang untuk menetap terus di Pangkalan TLDM Lumut, bulan depan.

Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar berkata, anggota yang terlibat termasuk 750 anggota dari Markas Panglima Armada TLDM yang telah berpindah bulan ini.

"Anggota-anggota lain akan berpindah apabila bangunan dan kemudahan untuk mereka siap," katanya menjawab pertanyaan Senator Datuk Chin Kim Yoong di Dewan Negara, hari ini.

Belanja pemindahan melibatkan 53.6 juta dan menurutnya belanjai ini termasuk pemindahan anggota KD Pelanduk dan dan Markas Panglima Armada. Bagaimanapun, katanya, menjelang 1980 perbelanjaan semua pemindahan unit-unit TLDM akan meningkat menjadi 47.5 juta.

Timbalan Menteri itu juga berkata, sehingga ini 70 peratus kerja-kerja pembinaan di pangkalan TLDM Lumut telah siap.

Sehingga ini, katanya, unit-unit yang dipindahkan ialah KD Pelanduk, Pusat Latihan TLDM, unit pentadbiran pelabuhan dan lima kapal utama.

Megenal kemudahan-kemudahan di pangkalan TLDM beliau berkata: "Pangkalan TLDM itu disamping dilengkapi dengan kemudahan ketenteraan serba lengkap dan moden disediakan juga kemudahan lain

seperti tempat kediaman, sekolah, rumah sakit, pusat beli-belah dan sebagainya."

Jumlah tempat kediaman yang akan disediakan bagi anggota-anggota TLDM, anggota-anggota dari "detach-ment" Tentera Darat dan kakitangan awam adalah sebanyak 9763 unit.

● Rumah kelamin pegawai - 399 unit

● Rumah kelamin pegawai lain-lain pangkat - 4392 unit,

● Pegawai bujang - 622 unit

● Anggota lain-lain pangkat - 4440 unit.

Kemudahan persekolahan pula disediakan sekolah rendah hingga ke peringkat menengah rendah.

Sekolah Rendah Pangkalan TLDM Lumut telah dibuka mulai Januari lalu.

Disamping itu, katanya, sebuah taman didikan kanak-kanak yang dapat menampung seramai 600 pelajar akan dibina.

Sebuah hospital angkatan tentera juga dirancang.

"Hospital tersebut akan mempunyai 250 katil dan akan dapat memenuhi keperluan tentera darat TLDM dan TUDM yang ditugaskan di sekolah utara Semenanjung Malaysia," tambahnya.

Sebuah supermarket yang moden dan sebuah kedai NAAFI akan juga dibina.

Di samping itu jolannya, tap-tiap blok rumah pangsa akan disediakan kedai runcit untuk kemudahan membeli-belah di kawasan tersebut.

Sebuah masjid, bank, pejabat pos, stadium dan taman permainan turut dirancang.



ABANG ABU BAKAR

Tiga lagi Senator angkat sumpah

KUALA LUMPUR, Rabu — Tiga lagi Senator baru mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Khalid Abdulllah dan Enck Kenneth Kanyan adalah lantikan baru.

Dalam ucapan alu-aluannya, Tan Sri Ismail Khan berharap mereka dapat memberikan sumbangan tenaga dan idea yang berguna kepada masyarakat dan negara.

KUALA LUMPUR, Rabu — Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Jalil Abu Bakar menandakan akhwannya kononnya ahli-ahli bomba mencuri barangan berharga ketika memadam api kebakaran di bangunan-bangunan dan rumah kediaman.

"Dakwaan itu tidak benar dan tidak berasas sama sekali," katanya menjawab soalan Senator Datuk Yap Peng di Dewan Negara, hari ini.

Sehingga ini, kata beliau, belum ada laporan dan aduan-aduan diterima oleh Kementerian dari mana-mana pihak di negara ini mengenai ahli-ahli bomba mencuri barang-barang bernilai sewaktu memadam kebakaran.

"Saya percaya soalan yang dibangkitkan itu adalah berpuca dari berita yang terlarat di sebuah akhbar terbitan 25 Ogos lalu mengenai satu kebakaran yang

Jalal nafi ahli2 bomba mencuri ketika bertugas

berlaku di Ipoh di mana dikatakan anggota bomba memecah peti besi dan juga menyembur air kepada orang ramai," ujarnya.

Kenyataan akhbar ini amatlah memalukan nama perkhidmatan bomba dan kakitangannya, begitu juga pandangan orang ramai terhadap perkhidmatan bomba, tegasnya.

Jabatan ini, jelas beliau, mengambil tindakan menyasat sama ada berita itu benar atau sebaliknya.

Ibu pejabat mengarahkan Pengarah Perkhidmatan Bomba

Negeri Perak menyasat dengan teliti tuduhan yang disiarakan itu," katanya.

Dalam siasatan itu, didapati tuduhan dan tohmah yang dipemarkan itu tidak benar sama sekali, kata Datuk Jalal lagi.

Sebagai bukti katanya, surat dari Pengarah Urusan, Eastern Union Rubber Product Sdn. Bhd. menjelaskan tidak ada apa-apa kecurian berlaku.

"Oleh yang demikian tidak apa-apa langkah dan tindakan diambil mengenai perkara tersebut," katanya.



DATUK ABDUL JALAL

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Daging dlm tin dari Australia, China tak halal

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan memutuskan daging-daging dalam tin yang diimport dari Australia dan Republik Rakyat China, tidak dijamin halal.

Ini diumumkan oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Shahrir Abdul Samad ketika menjawab soalan Senator Datuk Haji Mohd. Din Jaafar di Dewan Negara, hari ini.

Kementerian, katanya, tidak akan pengawanan terhadap daging dalam tin yang diimport dari kedua negara itu untuk memastikan halal atau sebaliknya.

"Oleh itu, makanan daripada daging yang ditinkan dan diimport

dari Australia dan China tidak dijamin halal oleh Kerajaan," katanya.

"Tidak ada undang-undang yang memastikan barang-barang yang diimport itu halal, tegas beliau lagi.

Jika makanan dalam tin yang diimport dibyarhkan sebagai 'halal' oleh pihak yang bertanggungjawab dalam urusniagannya, maka pegawai Kementerian ini, dengan bantuan Jabatan Agama Islam, boleh menyasat kebenaran landa yang digunakan, tambahnya.

"Sekiranya bahan makanan yang diimport sebagai 'halal' itu tidak benar, pihak yang menjualnya boleh didakwa di bawah Akta Perihal Dagingan 1972," tegasnya.

Di bawah akta ini, kata Datuk Shahrir, hukuman maksima yang boleh dikenakan oleh mahkamah adalah tidak lebih dari \$5,000 atau dua tahun penjara, atau kedua-duanya sekali.

Di samping itu, kata beliau, tindakan sedang diambil oleh Kementerian ini untuk memastikan agar hukuman yang lebih berat boleh dikenakan bagi mencegah perbuatan ini dengan lebih berkesan.